



Anwar melancarkan Sambutan Jubli Perak Hari SUHAKAM ke-25 sambil diperhatikan Azalina, Razarudin dan Mohd Hishamudin di KL Sentral, semalam. (Foto saifullizan Tamadi/BH)

Kajian telus elak kes mati dalam tahanan

SUHAKAM, PDRM bincang prosedur khas atasi isu salah guna kuasa

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu kajian dan siasatan sedang dilakukan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengelak insiden kematian dalam tahanan berulang, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, PDRM kini perlu mewujudkan perlindungan dan prosedur lebih telus, bagi mengelak insiden kematian dalam tahanan.

Beliau berkata, perkara itu turut disokong Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasion Ismail dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

“Ketua Polis Negara terbuka untuk membetulkan persepsi dan keadaan bagi memastikan kaedah yang lebih telus untuk mengelakkan salah guna kuasa.”

“Namun kebimbangan mereka, yang juga menjadi kebimbangan saya adalah tidak semua yang mengalami luka, kecederaan atau kematian dalam lokap adalah disebabkan penyalahgunaan kuasa oleh polis, sebab itu, kita perlu prosedur yang betul,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Sambutan Jubli Perak Hari SUHAKAM ke-25 di KL Sentral, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. (Undang-Undang dan Reformasi Ins-

titusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dan Pengerusi SUHAKAM, Datuk Seri Mohd Hishamudin Yunus.

Anwar menegaskan seseorang tahanan itu tidak boleh dijatuhkan hukuman terlebih dahulu, sebelum disabitkan oleh mahkamah.

Lindungi suspek dalam lokap

“Saya bercakap dari segi pengalaman. Masa belum didakwa pun sudah dibelasah setengah mati. Jadi, kalau orang bicara mengenai ada kebimbangan, penderaan atau kematian dalam lokap, tak perlu yakinkan saya kerana kerana saya tahu apa yang kita rasakan.”

“Rasa tidak berdaya apabila diserang hampir mati. Atas sebab ini, kita perlu menyokong semua usaha yang diperlukan untuk melindungi suspek dalam lo-

kap,” katanya.

Sementara itu, Anwar turut membidas kenyataan pembangkang yang mendakwa kerajaan zalim dengan tidak membenarkan dibicara soal 3R (agama, kaum, Raja).

Katanya, dakwaan itu adalah tidak benar kerana kerajaan membenarkan hal-hal membatikan agama dan kaum dibicarakan.

“Nak bicara soal agama Islam atau agama lain, nak bicara soal kaum, tak puas hati, nak bantah, itu semua diizinkan.”

“Yang tidak diizinkan ialah hasutan, ajakan ke arah keganasan atau menimbulkan pergaduhan antara kaum, sebab apa pun alasan, walaupun saya diserang media antarabangsa, saya tidak akan bertolak ansur untuk menjamin keselamatan rakyat dan negara,” katanya.